

12/04/1998

EU jangan sekadar berjanji

MESYUARAT Asia Eropah Kedua (Asem-2) selama dua hari di London pada 3 dan 4 April lalu membawa seribu harapan kepada negara Asia untuk memastikan rakan mereka, Kesatuan Eropah (EU) menunaikan ikrarnya untuk membantu memulihkan ekonomi di rantau ini.

Janji itu dinyatakan EU sebelum Asem dan mereka berikrar untuk menunaikannya dalam mesyuarat dengan 15 pemimpin Asia yang menyertai mesyuarat berkenaan.

Perdana Menteri Britain, Tony Blair selaku tuan rumah mesyuarat kali ini meletakkan ikrar EU dengan berkata: "Eropah percaya dengan kekuatan fundamental ekonomi Asia dan ekonomi mereka (Asia) akan pulih serta makmur."

"Adalah jelas Asia turut yakin bahawa Eropah akan bersama mereka pada bila-bila masa."

Blair kemudian mengulangi ikrar Eropah untuk berganding bahu dengan Asia bagi membantu mengatasi krisis ekonomi rantau itu.

Keyakinan EU itu penting bagi Asia kerana ia melambangkan kesungguhan Eropah untuk membantu dan terus melabur di rantau itu.

Presiden Perancis, Jacques Chirac ketika ditanya sama ada beliau yakin dengan keadaan ekonomi di Asia pula berkata:

"Kita mesti menunjukkan keyakinan, jika tidak isyarat yang kita berikan kepada dunia luar akan menjadi negatif."

Eropah kelihatan bersungguh-sungguh kali ini dalam usaha membantu kegawatan ekonomi di Asia seperti yang dinyatakan Blair:

"Satu perkara paling penting dalam mesyuarat kali ini adalah saya berharap rakan kita di Asia menerima bahawa Eropah bersikap terbuka, tidak akan menjadi tembok penghalang Eropah (kepada Asia), menutup dirinya kepada Asia dan tidak akan membiarkan Asia bersendirian dalam menyelesaikan masalahnya."

Pemimpin Asia pula diminta memberikan tindak balas positif kepada kenyataan itu. Pemimpin Asia sudah pasti mengalu-alukan keputusan itu, tetapi mereka mahukan Eropah tidak saja bercakap, sebaliknya bertindak segera.

Eropah kerap kali menyatakan mereka telah melakukannya dengan mengambil contoh popular bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) kepada negara Asia bermasalah dalam membantu memulihkan ekonomi Asia.

Bagaimanapun, itu bukanlah jalan penyelesaian menyeluruh kerana ia hanya membabitkan segelintir negara Asia.

Apa yang Asia mahukan ialah Eropah benar-benar ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam usaha itu.

Kesungguhan itu nampaknya dapat Eropah tunjukkan dalam Asem-2 apabila memutuskan untuk menghantar misi ke Asia bagi membantu memulihkan ekonomi di rantau ini.

Misi yang disertai wakil negara EU itu akan melihat sendiri keadaan di Asia untuk mencari peluang pelaburan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Eropah kali ini lebih bersungguh-sungguh.

"Saya fikir mereka (Eropah) kali ini betul-betul serius...bila menyatakan solidariti dengan Asia, mereka nampak betul-betul bersemangat."

Apa yang diharapkan misi EU ke Asia kali ini bukan seperti misi-misi lalu, yang hanya sekadar mengumpul maklumat dan kemudian menyatakan akan meninjaunya.

Asia mahukan misi yang dijanjikan dalam Asem-2 itu benar-benar membawa hasil memuaskan dan menguntungkan kedua-dua pihak, terutama rantau ini.
(END)